

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, October 5, 2019 6:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hari Akademia Negara Iktiraf Sumbangan Ahli Akademik Peringkat Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 OKTOBER 2019 / 6 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

HARI AKADEMIKA NEGARA IKTIKRAF SUMBANGAN AHLI AKADEMIK PERINGKAT UNIVERSITI



UUM ONLINE: "Saya bangga apabila akademia universiti diiktiraf di atas sumbangan diberikan dalam melahirkan modal insan kepada Malaysia," kata Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Majlis Perasmian UUM Plogging Sempena Hari Akademia Negara di Pusat Sukan, pagi tadi.

Beliau berkata, sambutan Hari Akademia itu adalah menjurus kepada peringkat inovasi yang mana ia sepatutnya sudah lama diberikan pengiktirafan sejak dahulu lagi kepada peringkat ijazah universiti selain di peringkat sekolah.

Menurutnya, negara tidak pernah menyambut Hari Akademia melainkan Hari Guru tetapi dengan semangat serta aspirasi baru kerajaan baharu Malaysia, akademia hari ini telah diiktiraf.

“Ini kerana universiti juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan dan saya bangga apabila kerajaan telah menyambut secara besar-besaran Hari Akademia di peringkat kebangsaan.

“Sempena Hari Akademia Negara, UUM di peringkat universiti turut mengadakan UUM Plogging yang mana ia satu inisiatif baik antara akademia dan pelajar dalam usaha menjaga alam sekitar sambil menyihatkan tubuh badan,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali; Presiden PERSATU, Prof. Dr. Razamin Ramli dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Hari Akademia merupakan sebahagian usaha berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai menghargai jasa dan sumbangan kakitangan akademik di pelbagai peringkat pengajian.

Tarikh 5 Oktober dipilih berasaskan sambutan Hari Guru Sedunia dan KPM telah mengiktiraf tarikh tersebut pada setiap tahun sebagai Hari Akademia.

Sementara itu, Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar berkata, Hari Akademia memberi ruang kepada masyarakat untuk mula menilai bahawa peranan akademia tidak hanya dalam lingkungan gedung ilmu atau menara gading, malahan melibatkan masyarakat setempat, sektor korporat dan juga industri.

“Tahniah juga kepada kerajaan khususnya KPM kerana mengiktiraf peranan akademia dalam membangunkan negara.

“Akademia kini mula menyemarakkan lagi usaha kecemerlangan dalam bidang kepakaran, selain giat melahirkan pelajar yang holistik kepada negara,” katanya.

Dalam kenyataan media oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik pada 19 September lalu sempena pengiktirafan Hari Akademia berkata, KPM komited dalam mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti hebat dan sentiasa berusaha gigih ke arah melahirkan ahli akademik bertaraf dunia.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.